
PDRG21-121

Geologi Am di Rusila-Marang, Terengganu Darul Iman

MOHAMAD MUHARAM ZAINUDDIN & MOHD ROZI UMOR*

Program Geologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Emel: umor@ukm.edu.my

Kawasan kajian seluas 63 km² terletak dalam longitud 103° 8' T hingga 103° 12' T dan latitud 05° 10' U hingga 05° 15' U, iaitu di Rusila-Marang, Terengganu, Darul Iman. Permasalahan kajian ialah kawasan ini masih kurang dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Oleh itu, satu kajian mengenai geologi am di kawasan ini telah dilakukan. Kajian ini dibuat untuk menentukan jenis-jenis litologi yang terdapat di kawasan kajian. Kandungan mineral di dalam batuan turut dikaji secara petrografi dan dilakukan peratusan mineral bagi penamaan

batuan secara sistematik. Unsur-unsur geokimia batuan ditentukan dengan menggunakan kaedah Pendaflour Sinar-X (XRF) dan kaedah Pembelauan Sinar-X (XRD). Cerapan telah dibuat ke atas litologi yang terdiri daripada batuan igneus jenis granit dan metasedimen seperti filit dan kuarzit. Kaedah petrografi (irisan nipis) digunakan untuk menentukan jenis batuan dengan lebih terperinci. Batuan di kawasan ini berusia Perm-Karbon berdasarkan kolerasi dengan Lapisan Sungai Perlis yang terdapat di Kemaman.